

Jenis Pengangguran

Jenis	Huraian
Pengangguran bermusim	Bekerja untuk tempoh yang pendek. Apabila tamat tugas, pekerja terpaksa mencari pekerjaan lain.
Pengangguran kitaran	Berlaku apabila ekonomi meleset. Firma-firma mengurangkan bilangan pekerja menyebabkan pekerja menganggur.
Pengangguran struktur	Berlaku apabila sesebuah negara mengalami perubahan struktur ekonomi. Pekerja yang kekurangan mobiliti dari segi kelayakan dan kemahiran akan menganggur kerana tidak mampu mendapat pekerjaan di sektor lain.
Pengangguran teknologi	Berlaku apabila perniagaan menggunakan teknologi untuk menggantikan pekerja.

Cara Mengatasi Pengangguran

Jenis	Cara Penyelesaian
Pengangguran bermusim	Kerajaan boleh memberi insentif kepada perniagaan agar pihak pengurusan boleh membenarkan pekerja terus bekerja.
Pengangguran kitaran	Kerajaan melaksanakan dasar fiskal dan dasar kewangan yang dapat menangani kemelesetan ekonomi.
Pengangguran struktur	Kerajaan boleh membuat perancangan ekonomi yang sesuai dengan trend perubahan ekonomi dan perniagaan. Kerajaan perlu lebih peka terhadap perubahan global.
Pengangguran teknologi	Galakkan penggunaan mesin moden hanya untuk proses tertentu sahaja.